

Siswa UM, Usim petah berhujah

Mara ke peringkat akhir Pertandingan Debat Kefahaman Islam peringkat IPT

Oleh Hasliza Hassan

PASUKAN debat Universiti Malaya (UM) dan Universiti Sains Islam Malaysia (Usim) berjaya mara ke peringkat akhir Pertandingan Debat Kefahaman Islam antara Institusi Pengajian Tinggi (IPT) anjuran Institut Kefahaman Islam Malaysia (Ikim) yang akan diadakan pada 8 Januari 2008.

Pasukan debat UM dan Usim berjaya menyalahkan kumpulan lawan masing-masing iaitu pasukan Universiti Islam Antarabangsa (UIAM) serta Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dalam pusingan separuh akhir yang berlangsung di Dewan Besar Ikim, Khamis lalu.

UM yang bertindak sebagai pencadang untuk tajuk *ICT Melahirkan Masyarakat Yang Kurang Berfikir* mendapat 82.71 markah mengalahkan UIAM yang mendapat 82 markah. Kemenangan tipis itu menunjukkan pasukan pembangkang turut memberi saingan sengit.

Keadaan sama berlaku kepada pasukan Usim selaku pencadang dan UTM, pembangkang yang mendebatkan tajuk *Program Angkasawan Negara Menguntungkan Negara*. Usim mendapat 82.57 markah, manakala UTM mendapat 82 markah.

Ketua pasukan debat UM, Mohamed Zul Fadhi Kahiruddin, mengakui keyakinan mereka untuk mara ke pusingan akhir agak tergugat apabila melihat kehebatan pihak pembangkang tetapi melahirkan kesyukuran dan perasaan lega kerana pasukannya diumumkan sebagai pemenang.

"Kami melakukan persediaan selama dua minggu untuk pertandingan debat anjuran Ikim ini. Bagi pertemuan peringkat separuh akhir, kami mengadakan latihan pada malam sebelum pertandingan. Rasanya usaha keras kami berbaloi."

"Kini, kami akan membuat persediaan untuk peringkat akhir pula. Tahun lalu pasukan UM kecikiran dan tahun ini, kami ingin piala debat kembali kepada UM," katanya yang turut disokong rakan pasukan, Azri Zahier Azmi, Wan Nur Izzati Wan Hanapi dan Khairul Asyraf Ahmad.

Sementara itu, ketua pasukan debat Usim, Mohd Hariri Mohamad Daud berharap kejayaan pasukannya ke pertandingan akhir bakal memartabatkan lagi nama Usim sebagai universiti yang mampu melahirkan pendebat berwibawa.

Katanya, kritikan juri mengenai kupasan isi yang tidak mendalam daripada kumpulan yang bertanding pada pusingan separuh akhir itu akan diberi perhatian apabila mereka memulakan misi mempersiapkan diri berhadapan dengan pasukan UM nanti.

"Kami akan balik ke Usim untuk membuat penyelidikan rapi dengan bantuan penyarah. Pengalaman bertanding di peringkat separuh akhir akan dijadikan sandaran dan kami akan memperbaiki kelemahan yang ada."

"Ini adalah pengalaman pertama saya bersama rakan pasukan mewakili Usim. Sebenarnya tidak sangka kami akan mara hingga akhir kerana saingan memang sengit. Syukur kerana rezeki berpihak kepada kami," katanya.

Selain Mohd Hariri, tiga lagi pendebat Usim ialah Mohd Zaini Othman, Ummu



HANDAL BERDEBAT: Pasukan debat UM, dari kiri, Azri Zahier Azmi, Wan Nur Izzati Wan Hanapi, Mohamed Zul Fadhi Kahiruddin dan Khairul Asyraf Ahmad bakal berentap pada pertandingan akhir pada 8 Januari 2008.

“Kami melakukan persediaan selama dua minggu untuk pertandingan debat anjuran Ikim ini. Usaha keras kami berbaloi”

Mohamed Zul Fadhi Kahiruddin
Ketua pasukan debat UM

Umairah Azahari dan Mohd Razlan Ahmad.

Pertandingan Debat Kefahaman Islam antara IPT anjuran Ikim yang bermula pada 2003 adalah cetusan idea Pengerusi Ikim, Tan Sri Ahmad Sarji Abdul Hamid. Sejak itu, pertandingan yang mendapat tajaan Yayasan Al-Bukhary menjadi acara tahunan Ikim.

Tujuan pengajuran pertandingan debat itu adalah untuk memberi ruang pelajar IPT berdebat berkenaan isu berkaitan dengan tamadun Islam menggunakan ayat al-Quran dan sunnah selain menggalakkan mereka melakukan penyelidikan lebih mendalam untuk meningkatkan kefahaman mengenai Islam.

Pertandingan Debat Kefahaman Islam antara Institusi Pengajian Tinggi kali kelima ini disertai 16 pasukan institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dan swasta (IPTS) yang

berentap menggunakan kaedah liga bermula 10 Disember.

Pertandingan secara liga itu dimulai pusingan awal yang akan menyaksikan semua IPT bertanding mengikut kumpulan A, B, C, dan D.

Lapan pasukan, masing-masing empat johan kumpulan sebagai pencadang, manakala naib johan (pembangkang) akan meneruskan cabaran ke peringkat suku akhir, sebelum empat terpilih ke separuh akhir.

Selain empat kumpulan yang berjaya ke peringkat separuh akhir, pasukan lain yang bertanding ialah Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Utara Malaysia (UUM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Teknologi Mara (UiTM) dan Universiti Malaysia Sabah (UMS).

Seterusnya, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), Universiti Teknologi Petronas (UTP), Universiti Multimedia (MMU), Kolej Universiti Insaniah (Kuin), Kolej Universiti Infrastruktur Kuala Lumpur (KLIUC), Universiti Sains dan Pengurusan (MSU) dan Universiti Industri Selangor (Unisel).

Pada 2003, johan dimenangi pasukan debat UIAM, 2004 menjadi milik UUM, 2005 (JM) dan tahun lalu dijuarai UMS.

Johan akan menerima hadiah wang tunai berjumlah RM15,000, piala pusingan, sijil penyertaan dan buku terbitan Ikim. Naib johan menerima wang tunai berjumlah RM10,000, ketiga RM5,000 dan keempat RM3,000. Pendebat terbaik akan menerima hadiah wang tunai RM1,000.

INFO

Keputusan Debat IPT anjuran Ikim

● 2003

Johan: Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

Naib Johan: Universiti Tenaga Nasional

Ketiga: Universiti Malaysia Sarawak

Keempat: Universiti Utara Malaysia

● 2004

Johan: Universiti Utara Malaysia

Naib Johan: Kolej Universiti Islam Malaysia

Ketiga: Universiti Sains Malaysia

Keempat: Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

● 2005

Johan: Universiti Malaya

Naib Johan: Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

Ketiga: Universiti Teknologi Mara

Keempat: Universiti Utara Malaysia

● 2006

Johan: Universiti Malaysia Sabah

Naib Johan: Universiti Teknologi Petronas

Ketiga: Universiti Kebangsaan Malaysia

Keempat: Kolej Universiti Islam Malaysia